

28 JAN 1998

Annuar-Umno

ANGGOTA UMNO KELANTAN DIMINTA HENTIKAN KELUAR KENYATAAN

KOTA BAHARU, 28 Jan (Bernama) -- Anggota Umno Kelantan diminta tidak mengeluarkan kenyataan berhubung cadangan agar jawatan ketua bahagian Umno di negeri itu tidak ditandingi dalam pemilihan Mac ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata, sebarang kenyataan yang bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh mengeruhkan lagi keadaan.

"Sebaliknya semua pihak harus bergandeng bahu bagi menjayakan hasrat itu bagi kepentingan parti", katanya kepada sidang berita di kediamannya di Kampung Bukit Marak, dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Anggota Majlis Tertinggi Umno Tan Sri Hussain Ahmad hari ini yang mengesahkan akan bertanding bagi merebut jawatan ketua bahagian Umno Rantau Panjang dalam pemilihan akan datang.

Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini Isnin lepas berkata kesemua 14 jawatan ketua bahagian di negeri ini tidak akan dipertandingkan.

Beliau berkata, persetujuan itu dicapai bagi memastikan keutuhan parti untuk mengelak perpecahan yang mungkin timbul dan boleh merugikan Umno dan Barisan Nasional di Kelantan.

Dalam hal ini, Annuar berkata Hussein sepatutnya mendapat pandangan daripada Dr Mahathir sebelum membuat sebarang kenyataan.

Bagaimanapun Annuar berharap, mereka yang terbabit dalam kempen sebelum ini dapat menggunakan suasana Hari Raya Aidil Fitri ini dengan bermaaf-maafan bagi melupakan salah faham yang mungkin timbul.

"Mereka harus eratkan kumpulan yang bersaing bagi mengukuhkan kedudukan parti dengan tujuan merampas kembali Kelantan dari Pas," katanya.

Annuar juga berkata beliau akan mengadakan rundingan dengan Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir yang dilaporkan mungkin menentanginya dalam pemilihan itu.

Katanya, Umno Bahagian Peringat yang diketuainya sedang meneliti untuk melantik Zainal Abidin menduduki jawatan penting dalam bahagian itu dalam pemilihan jawatankuasa bahagian akan datang. -- BERNAMA

WM MAI